

FALSAFAH KERANA ALLAH

(II)

1 - DARJAT-DARJAT AMAL KEBAJIKAN

Kita seklian disuruh Tuhan berbuat kebajikan dan dilarangnya berbuat kejahanan maka yang dikatakan “kebajikan” itu tiap-tiap perkara yang baik dan kewajipan pada tabiat kejadiannya, dan boleh memberi baik kepada yang mengerjakannya jika ikhlas, dan kepada yang menerimanya jika betul digunakan; atau boleh juga dikata “kebajikan” itu tiap-tiap perkara yang membawa baik bagi membetulkan kekurangan sama ada kekurangan diri sendiri zahir atau batin atau kekurangan diri orang lain dan masyarakat umum. Yang demikian adalah bermacam-macam jenis perkara kebajikan, dari ibadat-ibadat agama yang ditujukan terutama untuk kejayaan di akhirat hingga kepada kerja-kerja kebajikan bagi kehidupan di dunia.

Oleh Zaba

Ada pun dikatakan “kejahanan” itu pula tiap-tiap perkara yang keji yang hanya akibahnya membawa kerosakan dan kerugian zahir atau batin kepada diri orang yang berbuatnya dan kerap kali kepada diri orang lain atau kumpulan masyarakat umum juga. Yang demikian adalah bermacam-macam jenis pula, ada kejahanan yang besar, ada kejahanan yang kecil-dari perkara-perkara yang di luar dalam ajaran agama hingga kepada perkara-perkara yang dilarang oleh undang-undang negeri sahaja, dan banyak juga yang dilarang oleh kedua-duanya itu sekali. Jika perhubungan hal-hal agama apabila dilanggar larangan itu dinamakan dia “maksiat” dan “soda”; dan jika pada perhubungan hal-hal dunia disebut akan dia “kejahanan” dan “kesalahan” sahaja. Tetapi walau apa pun dinamakan dia, yang maknanya sama dan satu juga-iaitu “melanggar larangan” tau :menyimpang dari jalan yang betul”.

Maka tiap-tiap perkara kebajikan itu sudah tentu digemari dan diperkenankan oleh Allah Ta‘ālā dan oleh manusia juga; dan tiap-tiap perkara kejahanan pula sudah tentu tiada digemari dan tiada direhái oleh Allah dan oleh manusia. Tuhan menyuruh (atau sekurang-kurangnya menggemari) kita berbuat tiap-tiap yang baik, dan melarang atau sekurang-kurangnya pula tiada menggemari kita berbuat apa-apa yang jahat.

Pekerjaan berbuat baik atau amal kebajikan itu apabila dikerjakan adalah berperingkat-peringkat darjatnya mengikut bagaimana tujuan niat yang menggerakkannya dan sebab-sebab yang terasa mendorongkannya di dalam batin hati berhubung dengan perasaan “kerana Allah”. Maka yang demikian itu bersamaan baik pun pada kerja-kerja kebajikan untuk dunia atau untuk akhirat. Tetapi walau apa pun, bolehlah dibahagikan pengikut-pengikutnya itu sekurang-kurangnya kepada tiga peringkat:

(1) Berbuat baik kerana balas: iaitu maksud yang dituju dan yang terasa mendorongkan perbuatan itu

di dalam hati ialah yang terutamanya sekali harapan akan mendapat balas dan “faedah diri” daripadanya, sama ada faedah yang ada bendanya boleh dilihat dan dipegang-pegang seperti wang, hadiah barang-barang, pangkat, gelaran, bintang, medal (pingat), nikmat kesenangan; atau faedah maknawi sahaja iaitu tiada nampak dan tiada dapat dipegang-pegang, seperti puji, digemari orang, nama, kemahsyuran, kemegahan, dan seumpamanya yang diterima sebagai balas, upah, atau bayaran bagi berbuat baik itu dan sebagai penggalak berbuatnya lagi dan penggalak kepada orang lain berbuatnya pula.

Maka di sini yang dikatakan “harapkan balas” itu termasuklah juga perasaan berharap akan mendapat pahala dan keinginan akan masuk syurga sebagai penarik kepada berbuat amal baik yang dibangsanakan amal agama.

Jadinya berbuat baik yang deikian itu bukanlah oleh sebab baiknya yakni sebab disuruh atau disukakan oleh Tuhan, melainkan ialah oleh sebab balasan dan keuntungan diri yang diharap akan dapat itulah sahaja; jika sekiranya tidak, sebab ada harapan akan dapat balas itu tidaklah dikerjakan atau tidak tergalak hati hendak mengerjakannya.

Perasaan berbuat baik demikian ini sebandinglah dengan perasaan bermiaga, dan hanya layak bagi kerja-kerja perniagaan dunia yang memang tujuannya mencari keuntungan. Tetapi bagi kerja-kerja yang disebut “berbuat baik” atau “berbuat amal kebajikan” tidaklah layak sekali-kali: dan lebih lagi tiada layaknya pada perhubungan dengan Tuhan, kecuali bagi mereka yang masih kasar pengenalan budinya dan masih mentah dan rendah rasa kebatinannya.

Oleh sebab adalah berbuat baik yang demikian masih sangat rendag darjatnya, bahkan ialah darjat berbuat baik (amal soleh) yang serendah-rendahnya sekali; kerana tidak ada termasuk perasaan “kerana Allah” di dalamnya, hanya yang ada semangat bermiaga, semangat tak dapat untung, semangat “tamak akan faedah diri” dan pada setengah-setengahnya termasuk juga sifat-sifat yang disebut “*nim’ah*” dan “*riyā*” dan seumpamanya.

Bagi orang yang masih kasar pengenalan budinya dan masih mentah perasaan ruhaninya memang layaklah dipentingkan “upah” dan “umpan” demikian itu. Misalnya apabila hendak menggalakkan mereka berbuat ibadat maka dinyatakan pahalanya dan balasannya sekian-sekian! Apabila menyiaran surat meminta derma hendak membuat masjid, disebutkan berapa banyak pahalanya dan balasannya di akhirat nanti! Mereka itu ialah daripada orang yang belum sedar akan keperluan pihak diri yang batin, belum masuk semangat agama yang sebenarnya, belum mengerti akan tujuan-tujuan pengajarannya dan tujuan-tujuan berbuat kebajikan kerana Allah. Adapun orang yang lebuh tinggi perasaan daripada darjat itu tidaklah layak lagi jalan yang demikian baginya, ia berbuat kebajikan bukan kerana “umpan” dan “upah”. Seperti yang akan dinyatakan pada tingkat yang kedua dan ketiga dibawah ini pula.

(2) Berbuat baik kerana taat semata-mata: iaitu perasaan yang mendorongkannya ialah perasaan taat kerana taat sahaja, sama ada taat yang beserta dengan mengerti akan tujuan perkara yang ditaati itu, atau taat yang tidak mengerti apa-apa. Hanya taat oleh kerana kuat keyakinan iman atau kerana hati baik sahaja-taat akan suruhan dan taat akan pihak yang menyuruh. Maka taat ini boleh jadi juga kerana takut, boleh jadi kerana kasih, dan boleh jadi kerana keduanya itu sekali. Yang kerana takut itu ialah takut kalau tidak taat nescaya kena marah, kena hukum, dan sebagainya; yang kerana kasih itu ialah hendak mendapat keredhaan kekasih, tetapi bukan hendakkan balas apa-apa lain daripada zat kekasih itu sendiri sebagai balasnya; yang kerana keduanya itu tercampurlah di dalamnya tujuan-tujuan bagi keduanya itu sekali. Tetapi macam mana pun nyatalah taat itu ada tercampur perasaan berharapkan faedah juga, iaitu harap mudah mudahan dikabulkan perbuatan itu dan dapat balasan yang berikut daripadanya.

Taat ini seperti dikatakan tadi boleh jadi

beserta dnegan faham akan tujuan-tujuan suruh itu, dan terasa sendiri di dalam hati apa baiknya, faedahnya dan hikmatnya-baik menunjukkan ada menjalankan akal fikiran memikir-mikirkan rahsianya tetapi boleh jadi juga taat dengan tiada faham apa-apapun, baik pun tentang erti bacaan yang dibaca atau tentang tujuan-tujuan suruhan itu dan hikmatnya, hanya taat dengan hati lurus dan yakin percaya sahaja akan baiknya dan mulia tujuannya. Sebab perkara itu disuruh atau disukai oleh Tuhan. Yang demikian sebandinglah seperti taat saldadu akan perintah ketuanya walau dengan mengerti tujuannya atau tidak; atau seperti taat budak-budak baik, yang biasa taat sahaja akan suruhan ibu bapanya walaupun ia faham atau tiada faham apa-apapun akan tujuannya suruhan itu.

Berbuat kebajikan demikian ini jauh tertinggi daripada jenis yang pertama tadi. Kerana ada perasaan “kerana Allah” di dalamnya iaitu perasaan sebab Allah menyuruh atau menyukai, dan tiap-tiap yang Allah suruh atau sukai itu tentulah baik: sebab itulah maka dikerjakan. Di antara itu maka bahkan taat yang terjadi oleh kerana kasih akan pihak yang ditaati itu-serta menggunakan pula akal fikiran memahamkan suruhan itu dan mengesahkan kebenarannya-adalah terlebih tinggi darjatnya daripada bahagian yang taat kerana takut dan tiada mengerti suatu apa akan hakikat baiknya itu. Dalam pada itu sungguhpun tinggi darjatnya tetapi belumlah cukup tinggi, sebab belum lepas daripada ingatan berharapkan “balas” dan keinginan mudah mudahan dapat “haddiah” “upah” atau “bayaran”-belum terlepas daripada perasaan mengira-ngira keuntungan bagi diri sendiri. Hanya kelebihannya ada termasuk sebanyak sedikit perasaan “kerana Allah” di dalamnya, iaitu kerana taatkan perintah Allah dan kerana kasihkan Allah.

Darjat ini biasa terdapat pada orang yang sudah halus sedikit pengenalan budinya dan perasaan ruhaninya, terbit

daripada asuhan pengetahuan agamanya; tetapi belum cukup halus lagi, belum cukup mendalam dan luas semangat pengenalannya itu sehingga membawa kepada pengenalan yang putus aka hakikat berbuat kebajikan.

(3) Berbuat kebajikan kerana kebajikan semata-mata: iaitu yang jadi pendorong kepada perbuatan itu bukan dipentingkan kerana hendak dapat balas, dan bukan pula sebab kena suruh atau sebab dikata orang perbuatan itu disukai oleh pihak atas; melainkan hanya semata-mata perasaan kerana perbuatan itu baik, kerana ia perbuatan kebajikan, berguna bagi membaikki kekurangan diri zahir batin atau membaikki keadaan orang lain dan masyarakat; dan akhirnya kerana diketahui dengan yakin bahawa tiap-tiap yang kebajikan demikian itu disukai oleh Tuhan dan disuruhnya kerjakan. Maka dikerjakan dia dengan tujuan mudah mudahan dapat baiknya itu membetulkan diri sendiri atau membetulkan diri orang lain.

Pendeknya yang mendorong kepada berbuatnya hanyalah perasaan hendak berbuat kebajikan kerana kebajikannya semata mata. Tambahan pula diketahui tiap-tiap kerja kebajikan itu sudah tentu disuruh atau disukai Allah. Tetapi sekiranya tiada disuruhpun dikerjakan juga, oleh sebab yakin akan baiknya atau kebajikannya itu. Ada pun tentang “balas” atau upah sekian-sekian bagi diri sendiri, atau keuntungan nikmat apa-apapun yang dijanjikan bagi perbuatan itu, tidaklah dikira atau dipentingkan: kalau ada balas syukurlah, kalau tak ada pun syukur juga, kerana hal itu dalam maklum pihak atas asalkan baiknya itu berhasil membetulkan kekurangan dan memberi nikmat kepada orang lain pula, padalah. Bahkan tentang manfaatnya kepada orang lain inilah yang sangat-sangat dipentingkan dan diharapkan adanya walaupun diri sendiri tak dapat apa-apapun tak mengapalah.

Maka sesungguhnya yang demikian ialah sebenar-benarnya berbuat kebajikan “kerana Allah”; kerana segala perkara kebajikan

ialah Allah Ta‘ālā yang menetapkan tabiatnya jadi kebajikan itu, dan Allah Ta‘ālā tetap menyuruh dan menyukainya dikerjakan. Jadinya apabila dikerjakan dia semata-mata kerana kebajikan itu sahaja, bermaknalah iaitu memakaikan dia pada tempatnya dan bagi tujuan yang dimaksudkan oleh Allah Ta‘ālā daripadanya.

Maka berbuat kebajikan yang terbit daripada perasaan demikian ini pun boleh jadi disertai dengan menggunakan akal fikiran juga bagi memahamkan apa baiknya itu, hingga dapat pengelaman yang tahkik betul akan sebab-sebabnya dikatakan “baik” atau “kebajikan” itu; atau pun boleh jadi juga dengan tidak menjalankan akal fikiran demikian itu, hanya dikerjakan dua oleh sebab dirasa di dalam hati sahaja iaitu baik dan kebajikan.

Berbuat kebajikan dengan perasaan kerana kebajikannya semata-mata ini nyatalah jauh tertinggi darjatnya daripada tingkat yang kedua tadi pula; bahkan boleh dikata ialah darjah amal kebajikan yang terlebih tingginya sekali kerana perasaan “kerana Allah” di dalamnya itu bersih dan ikhlasnya kerana kebajikan semata-mata dan bagi maksud Allah semata-mata, bukan kerana hendakkan balas atau berharapkan balas-bukan keuntungan “balas” itu yang diingat dan dimata-matai; hanya dikerjakan dia kerana baiknya dan kerana hendak memberi baik kepada diri dan kepada orang lain. Padahal tiap-tiap yang kebajikan tetaplah digemari oleh Tuhan; yang demikian jadilah kesudahan-kesudahan tujuannya dikerjakan itu ialah supaya mendapat keredhaan Tuhan dan kerana wajah-Nya yang Maha Tinggi jua, tiada lain lagi.

Dalam antara itu jika berbuat kebajikan yang demikian dengan berasaskan di atas perasaan kasih pula akan Tuhan yang mengaturkan sekalian kebajikan-yakni oleh sebab kasih akan dia maka dikerjakan segala yang digemarinya dengan tidak mengira balas selain daripada keredhaan-Nya dan zat diri-Nya yang Maha Tinggi-nescaya semakinlah tinggi lagi darjatnya perbuatan itu, Tambahan pula jika disertai dengan memakai

akal fikiran mencari-cari faham akan hakikat kebajikan itu seperti yang disebutkan tadi, nescaya menjadikan bertambah lagi tingginya darjat perbuatan itu, berganda-ganda lebih tinggi daripada yang tiada menjalankan akal fikiran hingga diperoleh keputusan itu.

Bahawa dalam tingkat-tingkat yang tinggi serta pecahan-pecahannya ini, darjat yang akan dapat oleh masing-masing orang yang mengerjakan kebajikan itu hanyalah barang mana yang ia bersifat pada tujuan niatnya dan perasaan pendorongnya masa mengerjakan itu jua, iaitu sifat-sifat seperti yang telah diterangkan pada masing-masing darjat itu tadi. Maka tiadalah ia akan mendapat darjat yang lebih daripada darjatnya itu, kerana seperti sabda Nabi (SAW) “*innamā al-a‘mālu bi al-nniyāt wa innamā likulli imri‘in mā nawā*” ertiinya “bahawasanya segala amal itu hanya diukur nilainya mengikut niat di dalam hati, dan tiap-tiap seseorang hanya akan mendapat sekadar apa tujuan yang diniatkannya.”

2-Darjat-darjat Menjauhi Kejahatan

Ada pun usaha-usaha menjauhi berbuat jahat dan maksiat ialah sejenis daripada amal kebajikan juga oleh itu iapun boleh terbahagi kepada tiga pangkat seperti pada kerja-kerja berbuat kebajikan dahulu juga, iaitu menurut tujuan yang terniat dan perasaan yang mendorong kepada menjauhi berbuat jahat itu di dalam batin hati berhubung dengan sifat “kerana Allah”.

(1) Menjauhi berbuat jahat kerana takut: akan balasan iaitu pendorongnya hanya perasaan takut akan akibat buruk-takut kena marah, kena hukum, kenda denda, kena jel; takut orang tahu, takut malu, takut busuk nama, takut kena penyakit, takut masuk neraka: iaitu semuanya berasas di atas perasaan mengira keselamatan diri sahaja, dan sebab hendak dapat keselamatan itulah maka dijauhi pekerjaan jahat itu. Maka bukanlah dijauhi itu oleh kerana salahnya dan jahatnya dan tiada baiknya yang terasa

(sambungan pada muka 33)

(sambungan daripada muka 10)

dalam hati sendiri, atau oleh kerana tiada sukakan mudaratnya kepada akhlak, dan bukan pula kerana hendak memleiharakan angan terganggu hak-hak orang lain dan keselamatan orang lain, atau supaya jangan merosakkan kesihatan masyarakat: pendidikan bukan kerana takutkan Allah atau kerana tidak hendak melanggar larangan Allah, dengan keyakinan bahawa tiap-tiap yang salah dan jahat tentu dilarang Allah. Bukan! Hanya tidak dikerjakan kejahatan itu oleh kerana takut akan balasan jahat yang akan terbit daripada perbuatan itu sahaja, terutama di akhirat kelak:

Itulah sahaja sebabnya maka diauhi!

Jadinya jika tidak dengan sebab takut akan balas itu -atau jikalau tidak ada balasan yang ditakutkan, seperti umpamanya dapat bersembuni-semبuni tak tahu orang-tentulah dikerjakan juga perbuatan itu. Padahal kalau orang tak tahu atau tak nampak, tetapi Allah Ta‘ālā tahu dan nampak juga, yakni yang salah itu tetap salah juga, toada boleh jadi betul dengan sebab orang tak tahu!

Maka nyatalah jenis menjauhi berbuat jahat ialah jenis yang demikian ini masih sangat rendah mudaratnya, bahkan ialah jenis yang sehabis rendah sekali pada ukuran hukum akhlak dan agama: di dalamnya, dan tidak pula ada perasaan hendak memelihara daripada kerosakan akhlak atau daripada merosakkan hak-hak dan keselamatan orang lain; hanya yang ada perasaan mengira keselamatan diri sendiri daripada denda dan seksa dan sebagainya sahaja!

(2) Tidak berbuat jahat kerana taat akan larangan: iaitu pendorongnya semata-mata perasaan taat- taat akan perintah maka taat inipun boleh jadi oleh sebab takut juga, boleh jadi oleh sebab kasih, dan boleh jadi juga oleh sebab keduanya itu sekali. Taat yang kerana takut itu ialah sebab jika tidak taat maka takut kena murka atau kena hukum; taat kerana kasih itu pula

sebab kalau tidak taat maka takut tak dapat keredhaan pihak dikasihi; dan kerana kedua-duanya itu pula tercampurlah padanya tujuan-tujuan bagi keduanya itu sekali. Tetapi macam mana pun nyatalah taat ini kerana berkehendakkan balas juga, iaitu keselamatan diri, larangan itu, atau akan sungguh salahnya dan jahatnya benda yang dilarang itu, bahkan, barang kali tiada diambil tahu pun soal itu, hanya taat sahaja kerana takut atau kerana tak hendak membangkitkan kemurkaan pihak yang melarang, atau kerana lain-lain sebab lagi.

Dalam pada itu boleh jadi fikiran itu juga ada besertanya perasaan percaya dengan cukup yakin bahawa tentu jahat dan tiad akebjikannya, dan sebab itulah maka dilarang oleh Allah. tetapi ditaati larangan itu ialah supaya terpelihara daripada kejahatannya dan juga supaya jangan kena marah atau kena hukum, pendeknya jika sekiranya tidak dengan sebab dilarang dan sebab hukumannya itu, haruslah dikerjakan juga! Yang demikian adalah seperti kelakuan badak baik yang belum tahu berfikir sendiri: iaitu semata-mata apa yang dilarang oleh ibu bapanya atau penaganya, oleh sebab mereka melarang dan sebab takut akan hukuman mereka.

Darjat ini nyatalah lebih tinggi daripada darjat yang pertama tadi, sebab ada sifat “kerana Allah” di dalamnya iaitu “kerana Allah melarang perbuatan itu”. Tetapi jika taat itu bukan kerana taat atau kerana takut sahaja, melainkan bercampur dengan sebab kasih akan Allah juga, serta dijalankan pula akal fikiran memahamkan tujuan dan hakikat larangan itu dan bukannya taat buta sahaja, nescaya terlebih tinggi lagi darjatnya; sebab pertama-tama “kerana Allah” yang termasuk di dalamnya itu bersendi dengan rasa kasih pula-iaitu suatu perasaan yang biasa tidak berapa mengingatkan asal “balas”; dan kedua sebab bersokong dengan fahaman fikiran hingga terasa sah dalam hati sendiri peri jahatnya dan salahnya benda yang dilarang